



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG

## KERTAS KERJA

---

# **PROGRAM PEMBESTARIAN KRU TVPSS SEKOLAH DAERAH PASIR GUDANG**

**Dengan Kerjasama**

**RADIO TELEVISYEN MALAYSIA JOHOR**

**UNIT SUMBER DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN**

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG**

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH TANGKAK**

**KOLEJ VOKASIONAL PASIR GUDANG**

# **PROGRAM PEMBESTARIAN KRU TVPSS SEKOLAH DAERAH PASIR GUDANG**

## **1. PENGENALAN**

Program Pembestarian KRU TVPSS Sekolah Daerah Pasir Gudang dilaksanakan sebagai inisiatif untuk memperkasakan kemahiran dan kreativiti murid dalam bidang penerbitan digital serta penyiaran sekolah. Selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pusat Sumber Sekolah (PSS) untuk melahirkan warga sekolah yang celik teknologi dan berfikiran kreatif, program ini memberi fokus kepada peningkatan kemahiran ahli KRU TVPSS dalam aspek pengendalian peralatan rakaman, penyuntingan video, penulisan skrip, pengacaraan, dan penyebaran maklumat digital.

Program ini juga menjadi platform bagi murid menonjolkan bakat dalam bidang komunikasi, kewartawanan dan multimedia sekali gus menyokong usaha pendigitalan pendidikan di peringkat sekolah dan daerah.

## **2. MATLAMAT**

Membentuk pasukan KRU TVPSS yang kompeten, kreatif dan profesional dalam mengurus serta menerbitkan kandungan digital yang berimpak tinggi bagi memperkukuh fungsi Pusat Sumber Sekolah sebagai pusat ilmu dan maklumat abad ke-21.

## **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Meningkatkan kemahiran teknikal ahli KRU TVPSS dalam aspek rakaman, penyuntingan, dan penerbitan bahan video yang berkualiti menerusi lawatan penanda aras
- 3.2 Memupuk kreativiti dan daya inovasi murid dalam menghasilkan kandungan digital yang menarik, bermaklumat dan mendidik.
- 3.3 Melatih kemahiran komunikasi dan kepimpinan dalam kalangan ahli KRU melalui tugas berkumpulan dan pengurusan produksi.
- 3.4 Meningkatkan keterlibatan sekolah dalam penerbitan TVPSS di peringkat daerah dan negeri melalui perkongsian bahan media yang berkualiti.
- 3.5 Menyokong transformasi digital pendidikan dengan memperkukuh peranan TVPSS sebagai medium penyampaian maklumat dan promosi aktiviti sekolah.

## **4. SASARAN**

30 orang murid kru TVPSS yang menunjukkan komitmen yang tinggi sebagai kru TVPSS sekolah

## **5. PELAKSANAAN**

Program ini akan dilaksanakan seperti ketetapan di bawah :

Tarikh : 16 November 2025 ( Sabtu )  
Tempat : RTM Johor dan Sekolah Menengah Sains Muar  
Masa : 7: 00 pagi hingga 6:00 petang

## 6. TENTATIF

- 7:00 pagi Bertolak ke RTM Johor  
Sarapan pagi
- 9:00 pagi Taklimat Penyuntingan dan Penerbitan Video Kru TVPSS
- 12:00 t/hari Bertolak ke Sekolah Sains Muar
- 3:00 petang Perkongsian amalan baik Kru TVPSS SAMURA  
(Pemenang Kategori Anugerah Khas Juri Peringkat Kebangsaan)  
Video Kreatif TVPSS Sinar Bestari
- 6:00 petang Bersurai dan bertolak pulang ke Pasir Gudang

## 7. JAWATANKUASA INDUK

Sila rujuk Lampiran A

## 8. ANGGARAN KOS

| <i>Bil.</i> | <i>Butiran Perbelanjaan</i> | <i>Kos (RM)</i> | <i>Jumlah (RM)</i> |
|-------------|-----------------------------|-----------------|--------------------|
| 1.          | Pengangkutan bas            | RM2000.00       | RM 2000.00         |
|             | <b><i>Jumlah</i></b>        |                 | <b>RM 2000.00</b>  |

## 9. SUMBER KOS

Waran Peruntukan Kerajaan OS2400

## 10. PENUTUP

Penglibatan dan komitmen yang padu antara pelbagai agensi ini diharapkan dapat meningkatkan lagi Pembangunan minda pelajar dan memenuhi Aspirasi Pendidikan Negara dalam usaha memastikan Pendidikan berkaitan literasi maklumat disampaikan dengan cara yang efektif dan memcapai impaknya.

Disediakan oleh,

Disahkan oleh,

( AFZAM BINTI ABDULLAL )  
Pen. Pegawai Pendidikan Daerah  
Sumber Teknologi dan Pendidikan  
Daerah Pasir Gudang

( AIN BINTI IZAHAR )  
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah  
Pasir Gudang ( Pembelajaran )  
Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang

**11. MAKLUMAT KELULUSAN UNTUK DILENGKAPKAN OLEH  
PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG**

|  |                         |  |
|--|-------------------------|--|
|  | <b>DILULUSKAN</b>       | Ulasan PPD Pasir Gudang<br>(Jika Ada Pindaan/Tidak Diluluskan) |
|  | <b>TIDAK DILULUSKAN</b> |  |
| (Tandatangan dan Cop PPD Pasir Gudang)<br><br>Tarikh : |                         |  |

Lampiran A

**JAWATANKUASA INDUK**

**PROGRAM PEMBESTARIAN KRU TVPSS SEKOLAH  
DAERAH PASIR GUDANG**

**PENGERUSI**

Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang  
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang

**TIMBALAN PENGERUSI**

Pn Ain binti Izahar  
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Pasir  
Gudang ( Pembelajaran )  
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang

**PENGERUSI PENGELOLA**

Pn. Afzam binti Abdullal  
En Ahmad Irzam bin Ahmad Malek  
En Sheikh Mohamad Syahid bin Sheikh Omar  
Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang  
Unit Sumber dan Teknologi Pendidikan  
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang

## 12.0 STRATEGI PELAKSANAAN

| BIL | TARIKH     | PERKARA   | TINDAKAN                          | CATATAN                                |
|-----|------------|---|-----------------------------------|--|
| 1   | 21.04.2025 | Perbincangan bersama USTP untuk draf kertas kerja           | Penyelaras / GPM                  | Membuat draf Kertas Kerja              |
| 2   | 22.04.2025 | Penyediaan Draft Kertas Kerja untuk semakan                 | Penyelaras / GPM                  | Mengedit Kertas Kerja jika perlu       |
| 3   | 07.04.2025 | Penetapan sekolah yang terlibat sebagai lokasi              | Penyelaras / GPM                  | Pembentangan bersama USTP              |
| 4.  | 14.04.2025 | Pembentangan bersama Timbalan , dan USTP                    | Penyelaras / USTP/ AJK Pelaksana  | Pembentangan dan pembahagian tugas AJK |
| 5   | 15.04.2025 | Pembentangan kepada GPM sekolah Jejak Inspirasi             | Penyelaras / USTP dan GPM sekolah | Lancar/tidak                           |
| 6   | 16.06.2025 | Edaran surat menyurat                                       | Penyelaras / USTP/ GPM            | Lancar/tidak                           |
| 7   | 18.06.2025 | Lawatan dan bimbingan kepada GPM                            | Penyelaras / USTP/ AJK Pelaksana  | Lancar / Tidak                         |
| 8   | 26.06.2025 | Program Jejak Inspirasi Pengurusan Pusat Sumber berlangsung | Semua yang terlibat               | Lancar / Tidak                         |